

Info Cukai

Oleh: HASIL



Semak Status Cukai Pendapatan Anda Sebelum Merancang Perjalanan ke Luar Negara

Cukai pendapatan merupakan tanggungjawab undang-undang setiap individu atau entiti yang layak dikenakan cukai. Cukai ini termaktub di bawah Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 [Akta 53] yang mewajibkan semua pembayar cukai untuk mengisytiharkan pendapatan dan melunaskan cukai berdasarkan jumlah pendapatan bercukai mereka. Kegagalan melaksanakan kewajipan ini boleh membawa implikasi serius, termasuklah penguatkuasaan sekatan perjalanan di bawah peruntukan undang-undang tertentu.

Sekatan perjalanan ialah satu daripada kaedah yang dikuatkuasakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASIL) untuk menangani isu tunggakan serta meningkatkan tahap pematuhan cukai dalam kalangan masyarakat. Perkara ini diperuntukkan di bawah Seksyen 104 ACP 1967 yang membolehkan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri meminta Ketua Pengarah Imigresen untuk menghalang mana-mana individu yang mempunyai tunggakan cukai daripada meninggalkan negara sehingga tunggakan tersebut dilunaskan sepenuhnya.

Mengapakah Sekatan Perjalanan Dikenakan?

Sebelum sekatan perjalanan dikenakan, pelbagai langkah telah diambil oleh HASIL untuk memastikan pembayar cukai melaksanakan tanggungjawab mereka. Proses ini lazimnya melibatkan:

1. Pengeluaran Notis Tunggakan

Notis rasmi akan dikeluarkan kepada pembayar cukai sebagai peringatan mengenai tunggakan yang perlu diselesaikan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 103 ACP 1967, dan

2. Peluang Rundingan dan Pembayaran Ansuran

Pembayar cukai diberikan peluang untuk berunding dan membuat bayaran secara ansuran jika menghadapi kesukaran kewangan, mengikut Seksyen 107B ACP 1967.

Namun begitu, apabila pembayar cukai gagal memberikan kerjasama atau tidak mengemukakan maklum balas yang sewajarnya, HASIL berhak untuk mengambil tindakan yang lebih tegas, termasuklah pengenaan sekatan perjalanan. Tindakan ini bertujuan untuk mendidik individu yang gagal melunaskan tunggakan cukai dan melindungi kepentingan negara daripada kehilangan hasil cukai yang signifikan.

Impak Sekatan Perjalanan

Sekatan perjalanan boleh memberikan implikasi besar terhadap individu, terutamanya kepada mereka yang sering melakukan perjalanan ke luar negara untuk tujuan kerja, perniagaan atau peribadi. Di bawah Seksyen 104(1) ACP 1967, individu yang disekat hanya boleh meninggalkan negara selepas menyelesaikan semua tunggakan atau membuat pelan pembayaran balik yang dipersetujui oleh HASIL.

Impak sekatan ini termasuklah gangguan terhadap urusan profesional individu yang terlibat, Ahli perniagaan atau profesional yang sering terlibat dalam mesyuarat atau projek antarabangsa mungkin terjejas teruk, terutamanya jika reputasi mereka dipersoalkan akibat sekatan ini. Tambahan lagi, tindakan ini turut memberikan kesan kepada kehidupan peribadi seseorang. Individu yang merancang percutian keluarga atau menghadiri majlis penting di luar negara mungkin terhalang daripada memenuhi tanggungjawab peribadi mereka. Keadaan ini juga berupaya memberikan tekanan psikologi, sosial dan emosi, terutamanya jika melibatkan situasi kecemasan seperti mendapatkan rawatan perubatan atau menghadiri kematian ahli keluarga di luar negara.

Perancangan Percutian ke Luar Negara

Bagi individu yang merancang untuk bercuti ke luar negara, mereka perlu memastikan segala kewajipan cukai telah dipenuhi agar rancangan percutian mereka tidak terjejas. Oleh itu, bagi menjamin perjalanan percutian yang lebih bermakna, yang berikut ialah langkah penting yang boleh diambil:

1. Semak Status Sekatan Perjalanan

HASIL ingin menasihatkan kepada semua pembayar cukai yang ingin ke luar negara untuk menyemak status tunggakan cukai masing-masing terlebih dahulu menerusi portal MyTax yang boleh dicapai melalui <https://mytax.hasil.gov.my/>. Selain itu, semakan sekatan perjalanan ke luar negara boleh dilakukan menerusi portal rasmi Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) melalui capaian <https://sspi.imi.gov.my/sspi/>.

2. Pastikan Status Kedudukan Cukai Terkini

Pastikan segala tunggakan cukai dilunaskan sebelum anda merancang percutian. Jika terdapat tunggakan, segera hubungi HASIL untuk membuat pembayaran atau berbincang mengenai pelan pembayaran ansuran.

3. Rancang Awal dan Simpan Rekod Pembayaran

Jika anda telah membuat bayaran cukai atau melaksanakan pelan pembayaran ansuran, simpan salinan resit dan rekod pembayaran sebagai bukti. Hal ini penting sekiranya terdapat isu teknikal atau pertindihan maklumat yang boleh menyebabkan sekatan perjalanan dikenakan tanpa disedari; dan

4. Berhubung dengan HASIL Sekiranya Perlu

Sekiranya anda merancang untuk bercuti dalam masa terdekat dan mempunyai tunggakan cukai, segera hubungi pihak HASIL bagi menyelesaikan isu ini. Jangan menunggu sehingga saat akhir kerana proses pembatalan sekatan perjalanan mungkin memerlukan masa yang lebih lama untuk diselesaikan.

Apakah Tindakan yang Perlu Diambil bagi Mengelakkan Sekatan Dikenakan ke Atas Anda?

Untuk mengelakkan sekatan perjalanan, pembayar cukai dinasihatkan mengambil langkah yang berikut:

1. Semak Status Cukai Anda

Pembayar cukai boleh menyemak status cukai mereka melalui portal MyTax atau dengan menghubungi pejabat HASIL terdekat. Langkah ini penting untuk memastikan tiada tunggakan atau isu cukai yang belum diselesaikan.

2. Patuh Tarikh Akhir Bayaran

Anda perlu memastikan diri sentiasa mengisytiharkan pendapatan dan membayar cukai pada atau sebelum tarikh akhir yang ditetapkan. Seksyen 77(1) ACP 1967 menyatakan bahawa kegagalan melaksanakan tanggungjawab ini boleh mengakibatkan penalti.

Kesimpulannya, tanggungjawab melunaskan tunggakan cukai pendapatan adalah penting, bukan sahaja untuk mengelakkan sekatan perjalanan tetapi juga bagi memastikan perancangan perjalanan anda berjalan lancar. Sebagai pembayar cukai yang bertanggungjawab, semua urusan cukai anda perlu dikemas kini sebelum membuat sebarang perancangan ke luar negara.

HASIL juga ingin menjelaskan bahawa tindakan sekatan perjalanan ke luar negara terhadap mana-mana pihak bukan bertujuan untuk menafikan hak mereka tetapi tindakan tersebut ialah proses dalam melaksanakan penguatkuasaan undang-undang percukaian kepada pembayar cukai yang gagal melunaskan tunggakan cukai. Oleh itu, pembayar cukai perlu sentiasa peka dalam melaksanakan tanggungjawab mereka pada setiap masa dan jangan bertangguh dalam menyelesaikan hal percukaian agar tidak merugikan mereka sendiri pada masa hadapan.

HASIL yakin bahawa pentadbiran sistem percukaian yang adil dan cekap dapat meningkatkan kepercayaan orang awam terhadap sistem percukaian negara sekali gus membantu dalam pembangunan dan kemakmuran negara. Jadilah rakyat Malaysia yang bertanggungjawab demi masa depan yang lebih sejahtera.

